

**PENDENGARAN AWAM JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
BERHUBUNG PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHAN RAYA
BILIK GERAKAN TUN ABDUL RAZAK, BANGUNAN SULTAN IBRAHIM,
JOHOR BAHRU, JOHOR.**

JUMAAT, 13 Januari 2012

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir:

YB. Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili
[*Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi*] - *Pengerusi*
YB. Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad [Kangar] - *Timbalan Pengerusi*
YB. Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]
YB. Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]
YB. Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]
YB. Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]
YB. Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]
YB. Tuan Loke Siew Fook [Rasah]
YB. Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]

Tidak Hadir [*Dengan Maaf*]:

YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

URUS SETIA

Encik Che Seman bin Pa Chik [Setiausaha Bahagian Pengurusan Dewan]
Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Ketua Penolong Setiausaha (Perundangan dan Prosiding)]
Encik Mohd. Ikram bin Seri @ Rahimi [Penolong Setiausaha Kanan
(Perundangan dan Prosiding)]
Encik Wan Kamarul Ariffin bin Wan Ibrahim [Penolong Setiausaha I
(Perundangan dan Prosiding)]
Encik Zulfazly bin Mohammad [Penolong Setiausaha II (Perundangan dan Prosiding)]

HADIR BERSAMA

Parlimen Malaysia

Encik Noor Rosidi bin Abdul Latif [Penasihat Undang-undang]

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

YBhg. Dato' Haji Noordin Che Ngah [Timbalan Setiausaha (Pilihan Raya)]
Encik Harun Che Su [Timbalan Setiausaha (Penyelidikan)]
Encik Ibrahim Saad [Setiausaha Bahagian (Penyelidikan)]
Cik Yusniati Ishak [Setiausaha Bahagian (Pendaftaran Pemilih)]
Tuan Haji Kamaruddin bin Haji Keling [Setiausaha Bahagian
(Teknologi Maklumat dan Komunikasi)]
Encik Shah Aruzaman Ismail [Setiausaha Bahagian (Pilihan Raya)]
Encik Hamzah Mohd Noor [Penolong Setiausaha (Akademi Pilihan Raya)]

samb/-

HADIR BERSAMA *(samb/-)***Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia** *(samb/-)*

Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad [Pegawai Latihan (Akademi Pilihan Raya)]
Encik Suhaimi Haji Saudi [Setiausaha Bahagian (PSM)]
Encik Abdul Basit bin Mohd Nawawi [Penolong Setiausaha (PSM)]
Encik Mohd Khanafei Mohd Jamil [Ketua Penolong Setiausaha (Akademi Pilihan Raya)]

Pejabat Pilihan Raya Negeri Johor

Encik Ahmad Jazlan bin Mohd Juwahir [KPT (Persempadanan)]

Kementerian Luar Negeri

Encik Ahmad Fuad Mohd Norzin [Penolong Setiausaha]

Kementerian Pertahanan

Lt. Kol Omar Daud [Penyelaras Parlimen]
Kapten Azizi bin Elias [Pegawai Staf 3 ICT (Operasi)]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Puan Junipah binti Wandu [Timbalan Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Perundangan]
Puan Hamidah binti Mohd Nadzri [Timbalan Pengarah]
Encik Mazery bin Mohd Zain [Penguasa]
Encik Daniel Dajin [Penolong Penguasa]
Encik Ismajuri bin Ismail [Penolong Pesuruhjaya]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia [Johor]

Puan Kalthum Yusof [Penolong Penguasa]
Cik Norlianashita binti Mohd Talib [Penolong Penguasa]

MIMOS Berhad

YBhg. Datuk Abd. Wahab Abdullah [Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif]
Encik Kamarulzaman Abd. Mutalip [Pengurus Kanan]

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan

Tuan Haji Zaharin Zainudin [Timbalan Setiausaha Bahagian]
Tuan Haji Abdul Rauf bin Jamalil [Ketua Penolong Pengarah]
Tuan Haji Fathur Rahman Othman [Penolong Pengarah]

Jabatan Pendaftaran Negara

YBhg. Dato' Jariah binti Mohd Said [Ketua Pengarah]
Encik Nik Hassan Fauzi bin Nik Abdullah [Penolong Pengarah
Bahagian Kelahiran, Kematian dan Anak Angkat]
Puan Laila binti Majid [Timbalan Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat]
Puan Nik Nurashikin binti Nik Mansor [Timbalan Pengarah Bahagian Kewarganegaraan]
Encik Ruslan bin Alias [Penolong Pengarah Bahagian Kad Pengenalan]
Cik Zarifah binti Zulghaffar [Pegawai Undang-undang
(Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia)]

samb/-

HADIR BERSAMA (*samb/-*)**Jabatan Pendaftaran Negara** (*samb/-*)

Puan Mazni binti Bidin [Pegawai Khas KPPN]
Puan Hanissull Jalis Md Yusuf [Timbalan Pengarah (ICT)]
Encik Mohammad Razin bin Abdullah [Pengarah Bahagian Dasar JPN]
Encik Mohd. Faizal bin Abdul Manap [Pengarah JPN Negeri Sembilan]
Encik Nooruladzim Ateman [Timbalan Pengarah Kad Pengenalan]
Encik Mohd Sharil Neoh [Pengarah JPN Melaka]
Puan Dashini Supramaniam [Penolong Pengarah JPN Johor]
Encik Abdul Majid Mohd Ali [Pengarah JPN Johor]
Puan Suhaila A. Gani [KP27]

Polis Diraja Malaysia

YBhg. SAC Dato' Abdul Malek Harun [Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah
(Data Bank Forensik) Bukit Aman]
YBhg. SAC Dato' A. Rahman Urus Setia Cawangan Khas
SAC Hasanuddin bin Hassan [Ketua Penolong Pengarah Pengurusan (Perjawatan)]
SAC Abdul Hamid Mohd Ali [Komander Pasukan Simpanan Persekutuan (PSP) Bukit Aman]

Kementerian Dalam Negeri

Puan Siti Zauyah binti Osman [Setiausaha Bahagian (Pendaftaran Negara dan Pertubuhan)]
Encik Muhamad Sade bin Mohamad Amin [Setiausaha Bahagian Kabinet dan Parlimen]
Encik Amirul Amrie Haji Hasnul [Ketua Penolong Setiausaha (PP)]
Puan Yuslina Kamarudin [Penolong Setiausaha (PP)]
Cik Norhamizan binti Husain [Pembantu Tadbir]
Cik Latipah binti Ratu [Pembantu Tadbir]
Cik Nik Nur Atiyah Nik Mustapha [Penolong Setiausaha]

KEMAS, Johor

Encik Nasharuddin Rahman [Pegawai Perhubungan]

samb/-

SAKSI-SAKSI (PENDENGARAN AWAM)

Institut Nasional Integriti Demokrasi dan Pilihan Raya (NIEI)

Encik Amin Syah Iskandar
Encik Tan Seng Keat [Wakil *Merdeka Centre*]
Encik K. Shan
Puan Ili Farhana Norhayat

Civil Society Organization Centre for Independent Journalism (CIJ)

Puan Masjaliza binti Hamzah

Individu

Encik Maamor bin Saad

Encik Zainal Abidin bin Hussein

Encik Nor Izhar bin Hamzah

Encik Idris bin Abdul Hamid

Encik Abdul Halim Husin

YBhg. Datuk Misri bin Ibrahim

Encik Muhamad Anis bin Md. Noh

LAPORAN PROSIDING**PENDENGARAN AWAM JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
BERHUBUNG PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHAN RAYA
PARLIMEN KEDUA BELAS, PENGGAL KELIMA****Bilik Gerakan Tun Abdul Razak, Bangunan Sultan Ibrahim,
Johor Bahru, Johor.****JUMAAT, 13 Januari 2012****Pendengaran Awam dimulakan pada pukul 9.33 pagi**

[Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili
mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Pengerusi: Selamat pagi, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Kita hendak mulakan *business today* untuk semua Ahli Yang Berhormat, Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Mengenai Penambahbaikan Sistem Pilihan Raya negara. Kepada semua pegawai sokongan induk yang turut bersama dengan kita, terima kasih kerana kehadiran dari segi jabatan-jabatan mahupun jabatan sokongan ataupun jabatan pemerhati semua ini yang begitu kukuh sekali, begitu banyak. Terima kasih khasnya bagi pendengaran awam yang terakhir ini.

Untuk hari ini, kita ada lima pasukan. Tiga persatuan dan dua kumpulan individu dan ada yang hadir begitu awal. Kita lihat nanti bagaimana penyampaian dan kalau boleh kita habiskan semua *by* jam 12 atau 12.30 tengah hari ini. Hari ini Jumaat supaya barangkali petang tidak payah adakan program perjumpaan jika belum ada yang kita terima. *By the time*, kita selesai pada jam 12 bagi mereka yang *walk-in*. Akan tetapi sebelum kita masuk pendengaran pada hari ini, saya sekadar meminta umumkan dua pasukan mengenai laporan, sekejap sahaja. Satu daripada SPR mengenai tindakan susulan kepada ketetapan fatwa yang diputuskan dua hari yang lalu dan kedua, perkembangan mengenai pengurusan *database* yang dikendalikan oleh SPR dan JPN bersama dengan MIMOS. Jadi kalau dua perkara ini kita dapat laporkan pada pagi ini dan kita akan panggil mesyuarat, dua minggu selepas Tahun Baru Cina untuk jawatankuasa-jawatankuasa. Saya minta Dato' Noordin, apa susulan kepada ketetapan fatwa?

Dato' Haji Noordin Che Ngah [Timbalan Setiausaha (Pilihan Raya) Suruhanjaya Pilihan Raya]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Ahli-ahli PSC, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Susulan daripada keputusan Majlis Fatwa dua hari yang lepas. Jadi selepas ini SPR akan membuat perolehan. Keduanya kita akan memaklumkan ataupun memberikan taklimat secukupnya kepada petugas-petugas yang terlibat dengan cara menggunakan dakwat itu di seluruh negara Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Dalam masa yang sama juga, pihak Penasihat Undang-undang SPR, dia sedang menggubal ataupun hendak memuktamadkan peraturan yang terlibat itu sebagaimana dijadualkan.

Tuan Pengerusi: Pada 1 Februari selesai pewartaan dan seterusnya iaitu dalam proses misi. Bagaimana jadual SPR untuk membuat taklimat kepada pegawai-pegawai di seluruh negara bagi penggunaan tatacara dan seterusnya dakwat ini?

Dato' Haji Noordin Che Ngah: Secara umumnya di peringkat awal kita telah memberikan gambaran kepada petugas-petugas kita. Tinggal lagi kali ini kekal dengan yang terkini bagaimana penggunaan dan tatacara penggunaan kerananya ia ada sedikit perbezaan dengan pada tahun 2007 dahulu kerana kali ini bagi yang tidak ingin mencalit jari, makanya kertas undi tidak akan dikeluarkan. Jadi itu kita akan buat penjelasan sejelas-jelasnya.

Tuan Pengerusi: Ya lah apa tindakan tatacara apabila seseorang itu tidak minta digunakan dakwat. Jadi mesti ada *responses action*, kan? Kalau dia tidak minta dan tidak diberi kertas, maka kalau dia mengadu dan bising semua itu mesti ada cara-cara untuk mengatasi. Mengenai dengan data? Barangkali sini dahulu, nanti baru MIMOS.

Dato' Jariah binti Mohd. Said [Ketua Pengarah, Jabatan Pendaftaran Negara]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi. JPN telah pun menyerahkan data kepada SPR untuk tujuan semakan MIMOS pada 9 Januari 2012 yang mana di dalamnya mengandungi yang pertama, rekod mati warganegara yang berumur 21 tahun ke atas sehingga 31 Disember 2011, yang berjumlah 2,447,819...

Tuan Pengerusi: Dua juta?

Dato' Jariah binti Mohd Said: Jumlah 447,819.

Tuan Pengerusi: Wah ramai orang mati ya?

Dato' Jariah binti Mohd Said: Ya.

Tuan Pengerusi: Daripada tahun bila data ini?

Dato' Jariah binti Mohd Said: Sehingga 31 Disember 2011.

Tuan Pengerusi: Dan mula?

Dato' Jariah binti Mohd Said: Mula dari awallah.

Tuan Pengerusi: Dari merdeka?

Dato' Jariah binti Mohd Said: Ya, yang mana ada dalam rekod kita. Yang kedua...

Tuan Pengerusi: Okey. *This is data* di JPN yang meninggal dunia.

Dato' Jariah binti Mohd Said: Ya. Kemudian...

Tuan Pengerusi: Barangkali semenjak merdeka.

Dato' Jariah binti Mohd Said: Ya.

Tuan Pengerusi: Ataupun semenjak ada data dalam sistemlah.

Dato' Jariah binti Mohd Said: Ada dalam sistem.

Tuan Pengerusi: Barangkali minta pengesahan *starting* nanti *which year*.

Dato' Jariah binti Mohd Said: Kecuali kalau ada orang yang tidak melaporkan kematian. Yang kedua senarai status akuan pelepasan hak dan lucutan yang *renounce* dan juga pelucutan warganegara.

Tuan Pengerusi: *Renounce citizenship* ini.

Dato' Jariah binti Mohd Said: Ya, 94,738.

Tuan Pengerusi: Oh, banyak juga ya?

Dato' Jariah binti Mohd Said: Ya. Yang ketiga Yang Berhormat Tuan Pengerusi, senarai terkini rekod polis yang memiliki MyKad - 96,262. *And then last one*, senarai terkini tentera yang telah memiliki MyKad, MyTentera *sorry*, 129,138.

Tuan Pengerusi: Ada 138,000? 129,000.

Dato' Jariah binti Mohd Said: Ya 129,138. Itu sahaja.

Tuan Pengerusi: Okey.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Jariah binti Mohd Said: Yang ke..., yang *renounce* dan pelucutan?

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad [Kangar]: Berapa?

Tuan Pengerusi: Ada 64,778.

Dato' Jariah binti Mohd Said: Ya, 94,738.

Tuan Pengerusi: Jumlah 738?

Dato' Jariah binti Mohd Said: *Yes*.

Tuan Pengerusi: Okey, yang melepaskan *citizenship*. Okey dan SPR *side*, apa yang dibekal? SPR *side*?

Dato' Haji Noordin Che Ngah: Data itu kita telah kemukakan kepada MIMOS.

Tuan Pengerusi: So, ada satu jawatankuasa gabungan, *so MIMOS side, we now trying to was action to be done*.

Datuk Abd. Wahab bin Abdullah [Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif, MIMOS]: Tuan Pengerusi, MIMOS sudah terima data pada hari Rabu. *At the present moment, we are going through the transferring from flat file to the indivisible file. We will start during the first round checking for nama-nama yang bertindih iaitu starting tomorrow*.

Tuan Pengerusi: Okey. Dan nanti..

Datuk Abd. Wahab bin Abdullah: Dan kita pada hari ini akan mengambil dua lagi data iaitu kematian, pengurnia kematian dan juga yang kedua iaitu yang lucut kerakyatan. *That is two databases that we will go through*.

Tuan Pengerusi: *Then will run through the systemlah*.

Datuk Abd. Wahab bin Abdullah: *Yes, transfer to the system*.

Tuan Pengerusi: Okey. Dari segi sekuriti data ini, saya hendak utamakan jawatankuasa ini supaya ia dalam keadaan yang tertinggi *because this is the first time the data within the three groups are merging*. So kita hendak pastikan mereka yang memegang data ini adalah bukan sahaja *non disclosure* punya, tetapi juga *high level*.

Okey, dan dikawal bersama dan supaya ingin laporan dua minggu dari sekarang, *give me the report* di kalangan tiga agensi dahulu dan jawatankuasa yang saya pengerusikan iaitu baru saya lapor balik kepada induk mesyuarat. Jadi *we can see*. *Of course* semua pun harap lama lagi pilihan rayalah. So, ini dapat diwartakan lagi. Kalau tidak, *at least* usaha sudah ada mulai. So, *these agency*, dua minggu dari sekarang, sedia laporan bersama dan kepada jawatankuasa kecil yang saya bersama Yang Berhormat Loke itu, dan nanti kita bawa kepada induk nanti. Sila.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Tuan Pengerusi, bilangan polis yang mendapat MyPolis dan MyTentera ini adakah bilangan itu mencukupi ataupun masih lagi ada kakitangan polis. Kita tanya Bukit Aman dan tentera yang belum dikeluarkan MyTentera dan MyPolis ini. Berapa yang belum dikeluarkan?

Dato' Jariah binti Mohd Said: Untuk makluman Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan, di pihak JPN, kita semua sudah keluarkan kecuali kalau ada yang tidak memohon. Pihak JPN...

Tuan Pengerusi: So, apa yang dipohon oleh polis dan tentera, telah semua dikeluarkan.

Dato' Jariah binti Mohd Said: Ya, ya.

Tuan Pengerusi: Kecuali mesti ada yang belum mereka serahkan.

Dato' Jariah binti Mohd Said: Belum memohon.

Tuan Pengerusi: Okey, ada laporan daripada PDRM tentera? Masih ada data belum diberi atau bagaimana? Pihak kementerian, Kementerian Dalam Negeri.

SAC Dato' Abdul Malek Harun [Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (Data Bank Forensik) Bukit Aman, Polis Diraja Malaysia]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Jumlah yang diberikan oleh SPR tadi sebelum ialah 96,262. Masih ada lagi lebih kurang 10,000 ke 15,000 lagi yang...

Tuan Pengerusi: Berapa?

SAC Dato' Abdul Malek Harun: *About ten thousand* lagi.

Tuan Pengerusi: *Ten thousand*.

SAC Dato' Abdul Malek Harun: Yang dalam proses untuk mendapatkan pemohon ataupun proses menerima MyKad yang telah dipohon. Proses ini berterusan dan harap dapat dilaksanakan secepat mungkin selepas ini, *about 10%* sahaja lagi.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Tentera, tentera?...

Lt. Kol Omar Daud [Penyelaras Parlimen, Kementerian Pertahanan]: Tuan Pengerusi, memang diakui ada lagi yang belum laksana. Mungkin perkara ini adalah proses berterusan. Kemungkinan...

Tuan Pengerusi: Ada 10% juga? MINDEF. Ya, masih terus *book*. Ada 10%, ini 10% punya masalah.

■0945

Lt. Kol Omar Daud: Mungkin ada *about* 10%, *because* saya tidak hendak *reveal the strength* berapa sebenarnya. *It is not proper to reveal the strength*.

Tuan Pengerusi: *Sure*.

Lt. Kol Omar Daud: Jadi, mungkin yang berada di luar negara yang melaksanakan tugas-tugas misi PBB. *So*, kita akan *workout* benda ini.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Jadi kepada SPR, kemungkinan bila kita keluarkan—sekarang ini bulan Januari, penggal pertama, *first quarter*, bolehkah kita mendapatkan senarai untuk semakan. *First quarter* itu mengandungi nama-nama mereka yang akan mengundi, tentera dan polis mengikut kad pengenalan barulah. Boleh kita beri jaminan bahawa *first quarter* ini, kalau tidak pilihan raya sebelum *first quarter*, bolehkah kita—bagaimana itu SPR?

Dato' Haji Noordin Che Ngah: Tuan Pengerusi, dalam pangkalan data SPR hari ini, bilangan polis yang ada dalam daftar pemilih kita menggunakan nombor perkhidmatan itu, yang tidak ada nombor KP12 itu, jumlahnya 9,327 orang.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Berapa?

Dato' Haji Noordin Che Ngah: 9,327 orang.

Tuan Pengerusi: Yang belum ada kad pengenalan?

Dato' Haji Noordin Che Ngah: Ya.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Yang sudah.

Dato' Haji Noordin Che Ngah: Yang belum. Tiada MyKad lagi. Bermaknanya, dia daftar dengan kita menggunakan nombor perkhidmatan.

Tuan Pengerusi: Dia polis tetapi...

Dato' Haji Noordin Che Ngah: *So*, kita tidak boleh hendak tahu lebih *because* kita belum mendapat MyKad dia untuk...

Tuan Pengerusi: *So*, baru sembilan ribu...

Dato' Haji Noordin Che Ngah: 9,327 orang...

Tuan Pengerusi: Yang dua-dua nombor ada itu?

Dato' Haji Noordin Che Ngah: Ya dan tentera 1,857 orang.

Tuan Pengerusi: Sedikit.

Dato' Haji Noordin Che Ngah: 1,857 orang.

Tuan Pengerusi: 1,857 orang yang *double*, dua dia punya...

Dato' Haji Noordin Che Ngah: Ya.

Tuan Pengerusi: Tentera dan...

Dato' Haji Noordin Che Ngah: Nombor perkhidmatan sahaja... [Disampuk] Yang 12 angka kita tidak ada lagi. Itu yang kita...

Tuan Pengerusi: Kita mohon supaya KDN dan Kementerian Pertahanan dalam dua minggu ini cuba usahakan sebab proses semakan bersama MIMOS ini perlu selesai dalam tempoh satu bulan. Jadi, kita hendak tidak kehilangan peluang itu di mana *updating* itu dijalankan bersama bertiga. Jadi, apa sahaja data *outstanding* yang masih lagi boleh di bekal, cuba bekal kepada SPR secepat mungkin.

Dato' Haji Noordin Che Ngah: Tuan Pengerusi, menjawab pertanyaan Yang Berhormat Dato' Seri Mohd. Radzi tadi, kalau kita dapat maklumat ini cepat, *insya-Allah* untuk *first quarter* sempat kita buat *matching*.

Tuan Pengerusi: Sempat lagi.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ia sebab apa, kita dapati bahawa dalam buku daftar pemilih, masih lagi ada nombor-nombor kad pengenalan lama, orang awamlah. Jadi, dalam buku itu akan bermula dengan nombor kad pengenalan awam, kadang-kadang mengikut peti pengundi ada sepuluh orang, lapan orang, tujuh orang tetapi masih ada lagi itu. Masih ada lagi sebelum bermula dengan orang yang tertua sekali dalam peti undi itulah. Adakah benda ini boleh diperbetulkan ataupun masih lagi akan kekalkan nombor-nombor kad pengenalan lama ini. Nombor lama ini, empat lima orang. Setiap satu peti undi itu mesti ada.

Tuan Pengerusi: *I think the system* boleh *track* mana yang IC lama ini, *can help the listing from using the powerful software* ini dan pihak JPN boleh bekal IC baru bagi orang-orang ini. Bukankah?

Datuk Abd. Wahab Abdullah: Tuan Pengerusi, *we will do the matching then we see how.*

Tuan Pengerusi: Ya. Akan tetapi *I think* boleh...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *I think we should tackle that one, because we can clean it up, that one,* baru nampak cantik. Kalau tidak, setiap satu peti undi itu dalam buku daftar pemilih itu mesti ada. Setiap satu buku itu mesti ada. Tidak sepuluh, lima atau enam, tujuh orang nombor kad pengenalan lama. Bagaimana tidak boleh tukar dengan nombor kad pengenalan...

Tuan Pengerusi: Kalau di Sabah itu dia pakai *age*.

Datuk Abd. Wahab Abdullah: *If you can see that they have old IC number...*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Undi. *No. I am not talking about police, I am talking about civilian.*

Tuan Pengerusi: Umum.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Untuk umum. Setiap satu buku daftar pemilih, satu peti undi. Katakanlah satu ada 1,520 orang bermula dengan nombor kad pengenalan lama itu sebelum orang yang tertua dalam buku itu bermula. Jadi, adalah enam, tujuh, kadang-kadang berbelas-belas. *Why, can you correct it, can you tukar?* Tukar dengan kad pengenalan baru supaya nampak cantiklah.

Datuk Abd. Wahab Abdullah: Ya.

Tuan Pengerusi: Dalam kes ini *either* satu, dia masih belum tukar. Kalau hendak denda dia itu, sudah puluhan ribu. Kedua, dia mati. *That is the possibilities.*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ada setengahnya meninggal. *I am sure* setengahnya meninggal.

Tuan Pengerusi: *So, I think MIMOS, you can trap those thing.*

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Akan tetapi Tuan Pengerusi, bagi pihak mereka di luar bandar, saya pun dapati ramai yang tua-tua itu dia tidak endah lagi. Dia kata ini tunggu dua satu tahun lagi usia dia. Jadi, dia tidak kisahlah, dia punya relatif pun tidak kisah hendak tukar kad baru. *I know a few cases* macam itu.

Tuan Pengerusi: Tidak lama lagi...

Datuk Alexander Nanta Linggi: *We just erase them...*

Tuan Pengerusi: *Cannot.*

Datuk Alexander Nanta Linggi: *We have to be very careful.* Ini kerana...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *No. No need to erase them. Replace the IC* baru.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Kalau dia tidak pohon baru, *I do not know how you can get the new number*lah.

Tuan Pengerusi: Tahun 80-an masih budak?... *[Disampuk]* Ya, betul itu Yang Berhormat Kapit katakan. *There are a few cases* seperti ini. Satu, dia mati. Kedua, belum tukar. Belum tukar itu banyak sebab. Satu, terpencil. Ada juga di tempat saya mereka katakan, berapa lama lagi ini. Jadi, *of course* operasi kita di luar bandar, tolong tukar itu telah berjalan tetapi memang masih ada yang barangkali seperti begitu. *So, you will know it and you can make the listing.* Ya, Yang Berhormat Gombak.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Tuan Pengerusi, selain daripada data yang telah diberikan oleh JPN sebentar tadi, boleh JPN maklumkan kepada Jawatankuasa jumlah permohonan yang diterima daripada polis dan tentera tentang persaraan pegawai dan anggota polis dan tentera dan minta mohon batalkan nombor perkhidmatan mereka daripada nombor polis dan tentera kepada kad pengenalan biasa, awam, *civilian*. Ini kerana saya percaya persaraan ini berlaku setiap hari dan sepanjang masa.

Jadi, sehingga 31 Disember, saya percaya ada satu jumlah yang dikemukakan oleh polis dan juga tentera kepada JPN untuk membatalkan nombor perkhidmatan mereka sama ada polis atau tentera dan mengeluarkan kad pengenalan *civilian* kepada orang-orang yang berkenaan. Jadi, jumlah itu pun saya fikir satu jumlah yang agak besar.

Tuan Pengerusi: Boleh bekal barangkali...

Tuan Mohamed Azmin Ali: Jadi, kita boleh monitor.

Tuan Pengerusi: ...Ada dua minggu dari sekarang.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Ini kerana ada dakwaan bahawa mereka masih kekal menggunakan nombor perkhidmatan yang lama, pada masa yang sama menggunakan nombor awam. Jadi, kita boleh matikan dakwaan itu kalau JPN boleh bekalkan angka-angka yang berkenaan kepada Jawatankuasa.

Tuan Pengerusi: Sila.

Dato' Jariah binti Mohd. Said: Tempohkan itu dahulu. Saya akan jelaskan dengan PDRM dan juga angkatan tentera. Saya rasa *both sides*lah.

Tuan Pengerusi: Okey. Nanti mesyuarat akan datang kita boleh lihat sebab barangkali dia lewat tukar kerana lewat pemprosesankah, begitu. Mereka hendak tukar kepada awam bukan? Akan tetapi barangkali kerana pemprosesan. *I think the figure can tell us.*

Tuan Mohamed Azmin Ali: Cuma tempoh persaraan ini satu tempoh yang telah kita ketahui lebih awal. Ia bukannya berlaku mengejut. Maknanya, bila sampai tempoh itu, kita sudah tahu jumlahnya berapa bagi setiap minggu, setiap bulan dan kita perlukan maklumat itu Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Okey. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, dari segi program kerjasama ini dengan JPN, SPR dan MIMOS, bukan sekadar untuk soal semakan dan membantu membersihkan tetapi kita berharap MIMOS boleh tinggalkan kepada SPR satu sistem nanti yang mereka boleh gunakan sendiri untuk memperkasakan pembersihan dari semasa ke semasa bersama JPN. *So, itu tujuan kita supaya kita boleh divert semula to them.* Okey. Saya rasa itu sahaja perkara pentadbiran yang...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Tuan Pengerusi, saya asyik fikir benda ini. Kalau kita halusi sebab saya takut benda ini timbul jadi isu di kemudian hari. Katakanlah ini ada 9,000 daripada polis dan 1,800 daripada tentera. Adakah betul bahawa mereka ini telah pun diberi nombor 12 angka itu, telah diberi kepada mereka. Setiap seorang daripada mereka. *Is it correct to say? Am I right to assume that* yang belum tukar lagi ini, mereka telah pun diberi nombor 12 angka ini kepada setiap seorang daripada mereka walaupun dia belum tukar. Kalau begitu, *can you change it in the electoral roll?* Tukar nombor kepada 12 nombor, semua tukar 12 nombor. Jadi, bila dia datang, *then dia issue their card, it is already there.* Jadi senang, tidak perlu ada orang yang *civilian* pergi tukar.

Dato' Jariah binti Mohd. Said: Bukan 12 angka tadi bukan. Tidak ada, nombor tentera...

[Ahli-ahli Mesyuarat berbincang sesama sendiri]

Dato' Haji Noordin Che Ngah: Masih menggunakan nombor perkhidmatan, nombor tentera ataupun nombor polis.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *Haven't it been given already* seperti orang dilahirkan, dapat-dapat, lahir-lahir terus diberi nombor 12 angka. Setiap orang dilahirkan di Malaysia ini diberikan nombor 12 angka *straightaway*.

Dato' Jariah binti Mohd. Said: Kita boleh beri Yang Berhormat tetapi dia perlu *come forward*. Dia tidak hadir, kita tidak boleh hendak beri.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *Have you assign the number or* belum lagi beri nombor?

Dato' Jariah binti Mohd. Said: *No*, sebab dia tidak hadir. Dia tidak datang dekat kita.

Tuan Pengerusi: Mesti mahu pohon juga.

Dato' Jariah binti Mohd. Said: Ya. Ini kerana nombor yang ada di SPR, yang kita *supply* itu, semua nombor tentera dan nombor polis lama itu. Tidak ada yang 12 digit lagi. Dia perlu *come forward, apply, then only we can give*.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Okey. Akan tetapi dalam persetujuan hari itu, daftar pemilih akan datang akan menyenaraikan kedua-dua nombor, nombor perkhidmatan dan juga nombor 12 angka. Itu persetujuan yang telah kita capai. Jadi, tidak boleh hanya kekal nombor perkhidmatan sahaja. Kita sudah setuju hari itu, bagi yang masih berkhidmat dengan polis dan tentera, SPR akan bekalkan kedua-dua angka supaya kita boleh kesan sama ada berlaku *double voting* atau tidak.

Dato' Haji Noordin Che Ngah: Tuan Pengerusi, semua yang kita ada 12.4 juta itu, semua kita sudah ada KP12 kecuali yang ini sahaja, yang saya sebutkan tadi, yang 11,000 lebih tadi. Yang lain semua sudah ada KP12 dalam daftar pemilih kita itu daripada 12.4 juta kecuali yang polis 9,000 itu dan tentera seribu lebih.

Tuan Pengerusi: Itu yang belum mendapat 12 angka tetapi belum termasuk dalam 10% itu?

Dato' Haji Noordin Che Ngah: Ya.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Kenapa mereka ini tidak ada nombor 12 angka? Tidak memohon?

Dato' Jariah binti Mohd. Said: Tidak memohon...

Tuan Mohamed Azmin Ali: Bolehkah SPR memaklumkan kepada polis, siapa yang 9,327 orang dan maklum kepada tentera tentang 1,857 orang. Sudah? Apa respons daripada polis dan tentera? *It is because they have to come back to SPR and submit the application for the 12 digits...*

Tuan Pengerusi: Sudah dimaklumkan. SPR sudah maklumkan kepada jabatan-jabatan tersebut. Jadi, *waiting for them* datang untuk tukar.

Dato' Abdul Malek Harun: Tuan Pengerusi, seperti mana yang saya katakan tadi, ini adalah *exercise* pengambilan kad pengenalan baru. Dalam tindakan di mana yang lewat itu adalah terdiri daripada anggota polis yang tinggal jauh di luar bandar umpamanya di Sarawak dan Sabah. Misi-misi di luar negara dan juga yang masih ada kelapangan untuk kembali. *Figure* itu adalah lebih kurang *nine thousand something* tadi. Sejumlah 9,327 orang untuk polis, 1,857 orang untuk tentera.

Tuan Pengerusi: Ini yang dalam daftar pemilih, masih belum tukar KP12 kerana belum memohon, kerana di persisiran ataupun *outside the country* dan seterusnya. Jadi, mohon JPN juga untuk meneliti kalau ada *feedback* dari mana mereka ini, kalau di kem-kem yang *those special* operasi, bantu daripada mereka datang ke pejabat. Macam kita buat yang *mobile* itu.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *I want to get rid of this perception* yang mengatakan mungkin kemudian hari ada masalah semua itu. Kita tidak hendak itu semua berlaku sebab itu kita ada bekerja ini, seluruh negara kita pergi. Saya hairan bagaimana orang yang hendak masuk polis itu, dia umur 21 tahun lebih mesti masuk polis dan tentera. Sudah tentu dia dapat dia punya IC awal dahulu, IC *civillian* dahulu, selepas itu baru dia masuk tentera, rekrut atau apa, pegawai apa semua *and then he will be given* tentera punya kad *so*, IC dia lama *civillian* itu masih ada walaupun dia *surender*. Jadi, mengapa tidak boleh gunakan nombor lama itu? *I'm sure you will be using the same number*.

Tuan Pengerusi: Bagi yang baru masuklah tetapi kalau yang sudah 20 tahun itu, MyKad belum masuk lagi. *So, the new intake, that should be the case*.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *At least, they have got IC number*. Dia mesti ada IC *number* sebelum masuk tentera, masuk polis. Mereka mesti ada IC *number*. Jadi, mengapakah kita tidak boleh *straightaway* masuk dalam dia punya daftar pemilih itu dua-dua nombor sekali sekarang ini? *So, that it is easy...*

Dato' Jariah binti Mohd. Said: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *Yes, but still they will put in the seven digits* apa semua sekarang ini pun, *it is okay still. At least you have the number; you have the similar number*. Apa yang pembangkang takut ini, yang mempersoalkan ini, takut dia undi dua kali.

■1000

Tuan Mohamed Azmin Ali: Bukan takut Yang Berhormat Dato' Seri, kita hendak memperkemaskan.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ya lah hendak memperkemaskan.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Dia boleh dapat dua undi itu, bukan?

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Dia memperkemaskan agar tidak mengundi dua kali.

Dato' Jariah binti Mohd Said: Kalau kita bagi, polis itu sendiri tidak tahu dia punya nombor sebab dia ada tarikh lahir, ada kita punya siri. Tiap-tiap nombor itu, ia ada *meaning*lah. Jadi dia sepatutnya hadir dan dia kena tahu nombor dia.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Sekarang ini, kalau seorang itu tenteralah sekarang, sebelum dia pencen dia berumur 55 tahun, saya ingat kalau dia masuk askar umur 21 tahun, masa itu sudah keluar sudah kita punya kad pengenalan. *I am sure all Malaysian have already got their 12 digit by now. So, there is no excuse for everyone to say, "Oh! Saya masuk askar lama, saya masih ada..." No such things, man. You know what, 55 years old, dia masih merdeka. He was born in the year 1956, the olders year tahun 1956. Tidakkah tidak tahu 12 digit sudah? Tahun 1956 sudah ada 12 digit.*

Tuan Pengerusi: Ada 12 digit itu baru. Pada masa merdekakan baru mula 12 digit?

Puan Siti Zauyah binti Osman [Setiausaha Bahagian (Pendaftaran Negara dan Pertubuhan) Kementerian Dalam Negeri]: Kalau dia berumur 55 tahun, maksudnya dia dilahirkan pada tahun 1956. Masa itu kita pegang *old* IC yang kita pasti 7 digit. *Then*, ada proses penukaran yang JPN buat *for* 12...

Tuan Pengerusi: 12 digit itu bila kita mula? Pilihan raya bila itu?

Puan Siti Zauyah binti Osman: Tahun 19...

Seorang Ahli: *In 60's*, bukan?

Tuan Pengerusi: Tidak, tidak.

Puan Siti Zauyah binti Osman: *In 19 something*. Dia orang tidak membuat penukaran semasa itu dan masih memegang polis punya nombor.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *In the 60's*.

Tuan Pengerusi: Ada 12 digit *80's*, bukan?

Puan Siti Zauyah binti Osman: Tahun 1991.

Tuan Pengerusi: Tahun 1991.

Puan Siti Zauyah binti Osman: Ya, *19 something*.

Tuan Pengerusi: Tahun 1991, pilihan raya waktu itu ya.

Puan Siti Zauyah binti Osman: YBD masih di dalam servis. Pembayaran gajinya pun *base* pada nombor tubuh polis itu. *So*, dia ini baru ada proses penukaran itu.

Tuan Pengerusi: Okey, *I think you know our concern*lah. Yang *transfer to...*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Kita tidak hendak dikeluarkan sebagai isu ini.

Tuan Pengerusi: Okey. *So*, ini dua perkara. Dua minggu daripada sekarang kita buat semakan apabila kita bermesyuarat jawatankuasa kecil ataupun jawatankuasa induk. Baiklah, ada yang telah menunggu. Setakat ini kita berpuas hati dengan kelmarin punya kehadiran iaitu tujuh pada hari kelmarin itu dan kualiti input pun bagus-bagus juga.

Kelmarin saya diperingatkan pada empat tahun dulu saya mempengerusikan siasatan pendengaran awam di sini juga, lima tahun dululah, dan *this is the most memorable* waktu itu, sebab dua parti di depan saya bertengkar dan apabila saya *adjourn for lunch*, dia orang sambung lagi di luar. Saya dan Yang Berhormat Kubang Kerian dan Yang Berhormat Batu Gajah di tengah-tengah tetapi itu pembukaan tidak kenalah. Akan tetapi kali ini begitu seronok dan begitu berkualiti tinggi

Dengan itu saya jemput – saya minta pihak Sekretariat menjemput pasukan berdaftar dulu. Cuba jemput dulu institut tetapi dia ada datang awal. Ada pun dia datang awal tetapi saya beri untuk nombor dua. Institut Nasional Integriti Demokrasi dan Pilihan Raya ini, minta mereka masuk dahulu, NIEI. *Merdeka Center* ini sebahagian daripada mereka, satu pasukan. Okey *usher* minta jemput.

[Saksi dari Institut Nasional Integriti Demokrasi dan Pilihan Raya (NIEI) mengambil tempat di depan Jawatankuasa]

10.01 pg.

Tuan Pengerusi: Okey, selamat pagi, salam sejahtera, salam 1Malaysia kepada tuan-tuan dan puan-puan. Dua kepala yang digunakan iaitu Institut Nasional Integriti Demokrasi dan Pilihan Raya dan *Merdeka Center*, betul, satu pasukan? Okey, dengan itu sekali gus – ketuanya Encik K. Shan ya? Encik K. Shan, selamat pagi, salam sejahtera, selamat datang. Ini pendengaran awam, barangkali tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum peringkat Parlimen, peringkat Jawatankuasa, *so everything is recorded* dan semua memorandum digunakan sebagai *exhibit, it is also on video*. Dijemput perkenalkan pasukan, saya beri 15 minit begitu sebagai permulaan dan tengok interaksi. Okey, sila.

10.05 pg.

Encik Amin Syah Iskandar [Institut Nasional Integriti Demokrasi dan Pilihan Raya (NIEI)]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan selamat sejahtera. Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili, Yang Berhormat Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad, Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, Yang Berhormat Datuk Alexander Nanta Linggi, Yang Berhormat Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan, Yang Berhormat Tuan Mohamed Azmin Ali, Yang Berhormat Tuan Loke Siew Fook, Yang Berhormat Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli, dan yang terakhir Yang Berhormat Tuan Wee Choo Keong. Kami dari *National Institute for Democracy and Electoral Integrity* bersama-sama dengan *Merdeka Center*...

Tuan Pengerusi: Minta Sekretariat bagi kuat sedikit *volume* supaya senang didengar.

Encik Amin Syah Iskandar: Hari ini hadir untuk bertemu dengan PSC bagi membentangkan cadangan dan *recommendation* kami bagi membantu untuk memperbaiki perjalanan pilihan raya di Malaysia.

Sebelum itu, saya hendak maklumkan yang kami juga bekerjasama dengan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia dalam sebuah projek untuk penambahbaikan sistem pilihan raya di Malaysia. Jadi pertama saya hendak jemput sahabat saya dari Merdeka Center untuk terus membuat *presentation* beliau.

Tuan Pengerusi: *Take the microphone maybe if you want to present some fungsi on there. Don't spend too much time on that but give us the whole overall definition of the problem. We want to hear solution. Thank you. Sila.*

10.07 pg.

Encik Tan Seng Keat [Merdeka Center]: Okey, salam sejahtera, selamat pagi. Nama saya Encik Tan Seng Keat dari *Merdeka Center*. Okey, untuk hari ini punya *presentation*, sebenarnya ini adalah satu kerjasama antara NIEI dengan SPR dalam proses pembaikan sistem pilihan raya di Malaysia. Tahun lepas *Merdeka Center* ada buat satu *voter valuation audit* pada bulan Jun sampai 4 Julai. So, hari ini hanya ada empat *key point* sahaja. *Key point* yang pertama adalah bahawa dari kajian ini, kita ada dua proses. Satu, *list to people and people to list*. Daripada daftar pemilih, kita cari pemilih dia, selepas itu jadi orang biasa yang berumur 21 tahun ke atas kita tanya adakah dia mendaftar sebagai pengundi. So, empat *key point* semua itu ada dalam *presentation*, hanya *summarize* sahaja.

Key point pertama adalah 92% alamat dia *valid*, sah. Ada 8% alamatnya tidak dapat dicari. Contohnya, jalan itu ada tetapi mungkin nombor rumah itu tidak ada. Jalan itu hanya 30 rumah tetapi nombor rumah 40 contohnya. Okey, selepas itu dari 92% alamat yang satu, hanya 74% pengundi dapat dikesan. Maksudnya dikenali oleh orang kampung, saudara dia ataupun ahli keluarga. Selepas itu, dari situ hanya 31 yang tinggal di alamat dalam daftar pemilih, yang lain itu mungkin tinggal di tempat lain. So, dari sini kita ada – selepas itu ada contoh-contohnya dalam *slide* itu okey. Selepas itu kita pun dapati...

Tuan Pengerusi: Encik Tan ya?

Encik Tan Seng Keat: Ya.

Tuan Pengerusi: Memang dia punya *writing* kecil. Boleh bekalkan kepada Jawatankuasa *the CD version of the transcript* ya nanti.

Encik Tan Seng Keat: Okey, boleh.

Tuan Pengerusi: Senang bagi kami tengok.

Encik Tan Seng Keat: Okey, untuk *key point* kedua, kita mungkin cadangkan mungkin SPR dengan JPN mungkin kena ada sedikit kerjasama untuk *manage* dia punya *database* sebab kita dapati mungkin nama dalam JPN dan nama dalam SPR itu mungkin sama tetapi mungkin contoh dia – okey, contoh pertama adalah sebelum ini dia Cina, selepas itu dia masuk Islam tetapi nama dia di dalam JPN adalah Adam Lee bin Abdullah tetapi nama dalam SPR itu masih nama yang asal.

So, mungkin cadangan ini kita mungkin kena kerjasama antara SPR dengan JPN untuk *update*. Selepas itu, contoh lain seperti Mengawa a/ Inting tetapi nama dalam IC dia dan nama di dalam SPR itu lain. Satu pakai *short form*, satu pakai nama penuh. Selepas itu, ada yang...

Tuan Pengerusi: Saudara Tan...

Encik Tan Seng Keat: Ya.

Tuan Pengerusi: Boleh perelaskan mana satu yang sering itu?

Encik Tan Seng Keat: *Slide key indicator* dua.

Tuan Pengerusi: *Key indicator* onelah.

Encik Tan Seng Keat: Dua, dua. Sekarang.

Tuan Pengerusi: Dua? *Page 2*.

Encik Tan Seng Keat: Ya.

Tuan Pengerusi: *Page 2*.

Encik Tan Seng Keat: *Page 3*.

Tuan Pengerusi: Susah hendak tengok sebab kecil.

Encik Tan Seng Keat: *Soft copy* nanti saya bagi kepada sekretariat. Minta maaf ya. Okey, itu ada nama IC dengan nama dalam SPR itu ada sedikit perbezaan. So mungkin kita cadang SPR dan JPN kena ada satu *database matching* tengok nama dia kenapa lain. Okey, saya akan masuk kepada *key indicator* tiga.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Perlukah kita *discuss* secara prinsiplah?

Encik Tan Seng Keat: Okey.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: *No. Give us the general principal of your concern how we can rectify it.*

Encik Tan Seng Keat: Okey.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: *You know, we discuss the overall and then...*

Encik Tan Seng Keat: *We can cope.* Okey Yang Berhormat, kita boleh masuk kepada...

Tuan Pengerusi: *Actually we are referring to* terlampau kecil bagi kami yang sudah lebih 50 tahun ini kecuali Yang Berhormat yang muda-muda ini macam Yang Berhormat Gombak...

Encik Tan Seng Keat: Ya. Okey, ini adalah *finding* dalam kajian kami. Kalau masuk dalam *recommendation*, kita boleh pergi *page 5*. Melalui kajian ini, kita ada enam *recommendations*, cadangan. Selepas itu rakan saya Encik K. Shan akan masuk *recommendation* yang lain.

Recommendation pertama, kita rasa *voter list* itu sepatutnya disebar dalam bentuk yang lebih *wider manner*, bukan *hardcopy* sahaja. Mungkin contohnya boleh buat pameran dekat Internet dan sebagainya. Cadangan kedua, kita rasa kita kena kerjasama dengan PBT atau pejabat tanah tengok kenapa ada alamat yang tidak wujud yang terdapat dalam senarai daftar pemilih SPR.

Cadangan ketiga, kita rasa mungkin – tadi saya sudah bentang, SPR dan JPN mungkin ada kerjasama untuk *update* dia punya nama, alamat dan sebagainya. Cadangan keempat adalah kita rasa mungkin – okey, daripada kajian ini kita dapati ramai orang dewasa berumur 21 tahun ke atas di kawasan bandar dan di kawasan Sabah dan Sarawak kurang daftar sebagai pengundi. So, kita sebagai cadangan untuk buat promosi yang lebih hebat di kalangan *group-group* ini seperti bumiputera Sabah dan Sarawak yang pendaftarannya rendah.

Okey, cadangan keempat saya rasa kita perlu – SPR mungkin perlu bekerjasama dengan NGO lain atau sekolah dan sebagainya untuk mendaftar lebih banyak pengundi. Cadangan keempat ini adalah tentang kempen kesedaran pengundi. Saya rasa selain daripada kempen yang sedia ada, mungkin boleh bekerjasama dengan *broadcast* media seperti radio dan TV untuk *increase the voters manner* dan selepas itu kita minta dia orang daftar sebagai pengundi. Okey, itu hanya cadangan awal. Saya *pass* kepada rakan saya.

Encik Amin Syah Iskandar: Terima kasih saudara Encik Tan Seng Keat.

Tuan Pengerusi: Tadi *you* sebut ia mesra *time* ya, 1, 2, 3, 4, tetapi tiada *numbering* di sini. Baru dua sahaja yang tadi itu.

Encik Amin Syah Iskandar: Sekarang saya serahkan kepada saudara Encik K. Shan daripada NIEI.

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

10.13 pg.

Encik K. Shan [Institut Nasional Integriti Demokrasi dan Pilihan Raya (NIEI)]: Selamat pagi dan salam sejahtera. Nama saya Encik K. Shan. Saya terlibat dalam *National Institute for Democracy and Electoral Integrity* (NIEI). Kita hendak ucap terima kasih kepada pihak Majlis kerana memberi peluang kepada kita untuk *present* kita punya *findings* dan rekomendasi pada hari ini. Sebelum itu, saya hendak minta izin daripada Majlis untuk teruskan *presentation* kami dalam bahasa Inggeris dan juga menggunakan Bahasa Kebangsaan selang seli.

Menurut apa yang kita bincang tadi, projek yang kita buat analisa, kita dapati *problem* dengan *electoral roll* di Malaysia ada dua perkara pokok. *Two major issues that we found, one is the current development of Malaysia, the rapid development of urban areas that have somehow change the locality very often. So, we tend to see that areas tend to change nature and people tend to move around rapidly but the system not able to comprehend and update the system regularly to make sure the uniformity* itu wujud *all the way*.

■1015

So, that's one. Second is also because of people are moving rapidly from Sabah, Sarawak to Semenanjung or Semenanjung to other place and are not able to verify the changers locality and changers the voting areas constantly because the difficulty is kita kena pergi tukar IC and endorse the IC lepas itu kena verify pertukaran tempat untuk mengundi.

Ketiga dari segi sentimen dan persepsi, *that is big question about* isu pengundi hantu *that the be thing that absent voters that is a big number of people were victim as absent voters* yang punya *address* tetap duduk di tempat yang lain kerana urusan kerja, apabila mereka tidak dapat menukar IC untuk mengatakan mereka sekarang tinggal di tempat yang baru.

So that is difficulty within the system. So kita NIEI mempunyai pengalaman dari segi observation yang observe around seven country all over the world in term the election termasuk negara jiran Thailand, Nepal, Bangladesh, Afghanistan, Cambodia and negara-negara lain.

So I want make some specific recommendation yang kita ada buat power print out mungkin kita akan edarkan kepada pihak majlis selepas ini. *The first thing we want to say is we want call the legislative assembly and government to review and the amend the law of elections and other relevant laws in order to first is to create the database department at local consul authorities that will have powers to register maintain and manage electoral rules which specific powers to regularly inspect and edit prone regularly on changes in terms of address and voting locality as well as this is voters.*

So we want to shift the responsibility from SPR and to be shared by other department, so we believe that election is a key process for democracy, so therefore that it should be a shared the responsibility, must be a multiparty arrangement made for this system dual work. So we want to call for the database of department dari mana kita ambil contoh ini adalah daripada Thailand, so Thailand mengguna pakai system where the local consul to maintain the electoral law because they know the tax payers, they know the people, there no changers in the locality so they will update regularly. So the Election Commission therefore refers to the local council in term of maintenance and management electoral rules and therefore the used this database in the election. So the margin for error and problem will reduce to minimal. So I think you want to take a best practice approach in term of rectifying the electoral problem.

So in term of where election commission will play a role here, the Election Commission will serve as a managing body to play and prescribe procedure and expert a system database department and its officers. Secondly you want to...

Tuan Pengerusi: Mr K.Shan.

Encik K. Shan: Ya.

Tuan Pengerusi: *That would means the local authority is internal part of the electoral process and system.*

Encik K. Shan: Yes

Tuan Pengerusi: *So they have what electoral division within the local authorities that dealing with populations and voters list and so forth, is it?*

Encik K. Shan: Yes, correct.

Tuan Pengerusi: *Is there any country like this or only Thailand?*

Encik K. Shan: *What this is?*

Tuan Pengerusi: *Is there other countries besides from Thailand?*

Encik K. Shan: *That specific recommendation daripada Thailand, orang lain juga ada yang mengguna pakai sistem yang sama, local authorities play a major roll in term of maintaining electoral rules because there are the closest to the people, they know the details. But in our presentations we are refer to Thailand because it is the closest and similar to the system that.*

Tuan Pengerusi: *Okay, move on.*

Encik K. Shan: *Okay so the other issue is in term of people ...the people attitude in dari segi the difficulty and, in term of changers locality and changing area voters and becomes controversial when people do not declare their changers and place of vote properly and become a phantom voter. In this recommendation we are call for all voters who seek to change voting locality must inform the database department within the reasonable period of times and they must produce the declaration form, I think it is already been discuss in the committee before, at declaration form that inform on address names and voting area in that is accurate,, so therefore they can verified inspect and action can be taken if they provide force commission.*

Contohnya kalau saya tinggal di kampung saya rumah address tetap tetapi saya duduk di Kuala Lumpur, mengundi di Kuala Lumpur *I have to declare that permanent address di Taiping there is no hometown and what is my relationship with the permanent address. So we want to prescribe that kalau siapa-siapa hendak declare diri dia mempunyai address tetap di tempat yang dia tidak mengundi, it must been only condition of two condition either they have a residencies belongs to the parents or the guardians. They cannot be other any reason so it is only criteria that we can except in term people would not voting but thing but the address there but is all in a written format that you can presented there.*

The next is, I want to introduce the voter card biometric facilities, so that this a voter can also maintain the changers, they can maintain a card, they don't have to go and .change the IC for them to change the locality. So therefore the ID card or voter card can become the key card for them to go and change locality, they can monitor the changers and also how many times the person has voted. The problem today is voter did not maintain the system where they themselves know where there are voted before, where they have change, so this important for the authorities to keep track for these voters, how many times change the locality and how many times this person voted. So this implementation can be...

Tuan Pengerusi: *...Our existing MyKad will be able to - the sim card, the chip also be able to do that*

Encik K. Shan: *Sure, sure...*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *Lets hear from JPN, how many Malaysian have not pick up their MyKad?*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Ada 10%?

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *But 10% of Malaysian, even to pick up MyCard pun tidak pergi ambil...*

Tuan Pengerusi: Apa lagi hendak...

